

27 JUN 2001

ASIA-MATAWANG

NEGARA-NEGARA ASIA BOLEH PILIH UNTUK URUS REGIM MATAWANG SENDIRI

KUALA LUMPUR, 27 Jun (Bernama) -- Ekonomi-ekonomi Asia sedang muncul mempunyai pilihan untuk mengendalikan regim kadar pertukaran yang terurus di mana matawang tempatan bergerak di dalam jajaran tertentu dengan pusatnya ditujukan kepada satu kumpulan matawang utama.

Regim itu boleh disertai dengan tindakan yang bersesuaian bagi mengatasi pengaliran masuk modal yang berlebihan, kata timbalan menteri kewangan Jepun Haruhiko Kuroda.

"Penerimaan pakai yang bersepadu bagi kumpulan regim berkenaan akan membawa kepada kestabilan di kalangan matawang di rantau ini," katanya semasa berucap pada Forum Tahunan Kepimpinan Asia ke-10 di sini hari ini.

Mengenai Matawang Bersama Asia (ACC) yang dicadangkan oleh Perdana Menteri Datuk Seri Dr Mahathir Mohammad di Tokyo baru-baru ini, Kuroda berkata ia mungkin menjadi kenyataan "tetapi hanya dalam tempoh yang lama lagi".

Beliau berkata untuk mengadakan matawang seumpama itu, negara-negara Asia perlu mengatasi beberapa halangan "seperti perlu adanya pasaran barangan dan buruh yang bersepadu".

Beliau berkata negara-negara yang mengambil bahagian perlu memberhentikan polisi kewangan bebas dan tertakluk kepada pihak berkuasa polisi kewangan tunggal bagi mengekalkan matawang bersama.

Mengenai fiskal, negara-negara peserta boleh mempunyai kelonggaran dalam polisi fiskal mereka tetapi dengan had tertentu.

"Ketidakseimbangan fiskal besar yang tidak berlanjutan akan mengundang spekulasi mengenai penyingkiran kawasan matawang bersama," kata beliau.

Oleh itu, negara-negara Asia perlu memperbaiki kedudukan fiskal mereka, dalam beberapa kes secara drastik.

Sebaliknya, pengukuhan pengawasan serantau seperti dalam forum Rangka Kerja Manila boleh mengejutkan negara-negara Asia kepada keperluan untuk penyelarasan polisi makroekonomi.

"Keseluruhannya, ia akan mengambil masa yang agak lama sebelum ACC menjadi kenyataan," katanya.

Bagaimanapun, beliau menegaskan bahawa tiada satu regim pertukaran yang bersesuaian dengan semua negara, walaupun beliau memihak kepada kumpulan matawang dengan jalur luas bagi ekonomi baru di Asia.

"Apa yang bersesuaian akan berbeza dengan keadaan sebuah negara termasuk struktur perdagangannya dan kematangan pasaran fiskal serta pasaran modalnya," kata beliau lagi. -- BERNAMA

SM SEL NHD OS